

Penduduk minta penjelasan JPS

Berhubung bayaran caruman parit, kesal terpaksa bayar hampir RM5,000 untuk hak pemilikan tanah

TANJUNGGAWA – Seramai 13 orang penduduk Projek Perumahan Rakyat Termiskin (PPRT) Tanjung Jawa Sabak Bernam meminta penjelasan Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) berhubung bayaran caruman parit sebanyak RM3,000 yang terkandung dalam syarat tambahan bagi pemilikan tapak rumah berkenaan.

Meskipun hanya dua orang penduduk sahaja yang terpaksa mengeluarkan wang sendiri untuk proses bayaran manakala selebihnya dibayar Lembaga Zakat Selangor (LZS) bagi proses pemberian hak milik, namun mereka mengakui syarat pemilikan tanah dikenakan kerajaan negeri itu agak membebankan rakyat.

Selain bayaran RM3,000 kepada JPS, penduduk juga memohon penjelasan Pejabat Daerah dan Tanah (PDT) Sabak Bernam berhubung bayaran yang dikenakan sebanyak RM300 bagi caruman dalam tabung amanah perkuburan.

Penduduk terpaksa membayar kira-kira RM1,700 kepada PDT Sabak Bernam dan RM3,000 kepada JPS Selangor dalam tempoh masa enam bulan bagi mengelak-

kan permohonan terbabit luput dan ditarik balik.

Seorang pemohon ibu tunggal, Normah Othman, 51, berkata, dia terpaksa meminta bantuan anak-anaknya bagi menjelaskan bayaran terbabit memandangkan suaminya telah meninggal dunia.

“Nak tak nak, saya terpaksa menjelaskan bayaran sebelum tempoh enam bulan sebab nak dapatkan geran tanah. Kalau tak bayar, saya bimbang permohonan akan ditarik, sedangkan ini saja rumah yang ada untuk berteduh,” katanya kepada *Sinar Harian*.

Normah berkata, keadaan itu amat menyulitkan anak-anaknya yang terpaksa mengumpul wang dan meminjam daripada majikan masing-masing bagi membantunya membayar proses hak milik tanah berkenaan.

Malah, katanya, dia yang datang untuk membuat bayaran caruman parit kepada JPS di Shah Alam kecewa apabila terpaksa pulang semula gara-gara masalah teknikal yang dihadapi agensi kerajaan berkenaan.

“Saya datang jauh dari Sabak Bernam semata-mata untuk menjelaskan bayaran, tapi malangnya saya diberitahu JPS mengalami gangguan sistem dan saya terpaksa meminta



Penduduk yang tinggal di PPRT sejak 1997 kecewa apabila terpaksa melunaskan bayaran caruman parit sebanyak RM3,000 dan bayaran tabung amanah perkuburan sebanyak RM300.

bantuan penghulu untuk menjelaskannya melalui bayaran bank draft,” katanya.

Nordin Mohd Abd Rahman, 56, berkata, meskipun mendapat tanggungan bayaran sepenuhnya daripada LZS, namun simpati dengan nasib dua penduduk yang terpaksa mengeluarkan wang sendiri.

Menurut Nordin, jika penduduk tidak dibantu LZS, mungkin ramai di kalangan mereka turut merasai keperitan seperti dua jiran yang terpaksa mencari wang untuk hak pemilikan tanah kediaman.

“Rata-rata kami hanya bekerja kampung, ada yang tak bekerja dan mengharap bantuan anak-anak. Bagaimana kalau kami tidak dibantu LZS?” katanya.

Katanya, situasi itu membebankan rakyat. Dasar kerajaan negeri berkebijakan yang dilaung-laungkan selama ini perlu dibuktikan untuk membantu rakyat.

“Di mana kebajikan untuk rakyat kalau bayaran hak

Kampung Persekutuan (JKKKP) Tanjung Jawa, Zulkefli Abu Hasan berkata, dia antara dua penduduk yang terpaksa membayar hampir RM5,000 bagi mendapatkan geran hak pemilikan tanah berkenaan.

Katanya, penduduk yang menetap di situ sejak 1997 menerima surat bayaran pemilikan hak tanah pada Jun tahun lalu dan perlu menjelaskan bayaran sebelum 31 Disember bagi mengelakkan permohonan terbabit ditarik balik atau dibatalkan.

“Saya sendiri telah menjelaskan bayaran seperti yang diminta namun sedikit terkilan jumlahnya tinggi,” katanya.

Sementara itu, JPS ketika dihubungi *Sinar Harian* memaklumkan akan menjawab isu ini pada waktu terdekat.

katanya.

Katanya, keadaan bertambah buruk apabila berlaku air pasang di situ hingga mengakibatkan air parit terbabit naik dan menyulitkan penduduk.

Pengerusi Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan

belum pandai Baca al-Quran?

Belajar Membaca Al-Quran

SISTEM 3 HARI
TEKNIK CORDOBANA

TERBUKTI, Mudah Belajarnya, Cepat Pandainya

Eksklusif Program

@ WUI Training Centre, Seksyen 15, Shah Alam

Angkatan 5 : 23 - 25 Januari 2015

Angkatan 6 : 27 - 29 Januari 2015

Waktu : 9.00 am - 6.30 pm

Terhad kepada 40 orang peserta

SIAPA YANG PERLU HADIR

- Tidak/belum mengenal sama sekali huruf-huruf Al-Quran.
- Mengenal huruf tetapi tidak pandai membaca (merangkak-rangkak)
- Tidak lancar dan kurang faham tanda baca dan Tajwid
- Ingin melancarkan bacaan, Tajwid dan Taranum

No. Akaun : 564276-519652 (Maybank Islamic - Caw. TTDI)

Emel : akademikcordoba@gmail.com

HOTLINE CORDOBA : +6019 2165 175 (SMS / WhatsApp)

akademikcordoba
MALAYSIA
NOW, EVERYONE CAN READ QUR'AN



Yuran
RM750



Zulkefli menunjukkan bayaran caruman parit sebanyak RM3,000 yang dijelaskan kepada JPS dan surat bayaran hak pemilikan tanah terbabit.



Parit PPRT yang dibersihkan sendiri penduduk dengan membayar kos penyelenggaraan kepada kontraktor.